

UMS terus giat usaha pulihara alam semula jadi

UB 09.09.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mempergiatkan pelbagai usaha berkaitan pemuliharaan alam semula jadi dan perlindungan biodiversiti yang merupakan khazanah berharga bagi Sabah.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata usaha berterusan oleh Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) dan Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) UMS amat penting sebagai latihan dan sokongan kepada generasi akan datang untuk memanfaatkan dan mengurus alam semula jadi secara mampan.

"Isu pembangunan manusia, kehilangan biodiversiti dan kepupusan spesies haiwan liar telah menjadi kemelet pada dunia masa kini.

"Dengan kekayaan hutan hujan tropika yang asli serta ekosistem marin, negeri Sabah menjadi lokasi terbaik bagi usaha latihan dan sokongan terhadap pemuliharaan dan perlindungan biodiversiti alam semula jadi.

"Ciri biodiversiti di Sabah yang unik membolehkan aktiviti penyelidikan secara konsisten dapat dijalankan bagi memahami nilai, interaksi, dan sumbangannya kepada kesejahteraan manusia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Memandatangkan Memorandum Perjanjian antara UMS dengan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit



LANCAR: Hairulazim Mahmud menyempurnakan pelancaran buku 'Perjalanan Sepuluh Tahun Menyelamatkan Unit Penyelamat Hidupan Liar Sabah'.

Malaysia (MPOGCF), Jabatan Hidupan Liar Sabah, dan Hutan di Galeri Majlis, UMS.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly.

Mengenai pemeteraian perjanjian antara agensi itu, Kasim memaklumkan perjanjian kerjasama yang dijalankan adalah ke arah usaha untuk memulihara alam semula jadi dan melindungi biodiversiti daripada kepupusan.

"Kerjasama ini adalah selaras dengan peranan MPOGCF yang menyokong

dan memperkuatkan usaha pemuliharaan alam sekitar.

"Manakala Jabatan Hidupan Liar Sabah sebagai pihak berkuasa hidupan liar tempatan, berdiri sebagai mercu tanda perlindungan untuk kekayaan biodiversiti di rantau kita," katanya.

Beliau berkata pemeteraian perjanjian ini juga melambangkan perpaduan, dedikasi dan harapan untuk masa depan dalam melindungi alam semula jadi untuk generasi yang akan datang.

"Usaha ini adalah permulaan kepada lebih banyak usaha niaga yang direka untuk lebih mendalam pema-

haman dan penghayatan terhadap alam semula jadi," katanya.

Pada majlis itu turut berlangsung acara pelancaran buku 'A Ten-Year Journey Savings Sabah's Wildlife Rescue Unit' yang disempurnakan oleh Pemangku Pengurus Besar MPOGCF, Hairulazim Mahmud.

Hadir sama Timbalan Penggarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Roland Oliver Niun; Pengarah Saintifik HUTAN, Dr. Marc Acrenaz; Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Sawit dan Sago, Severinus Tukah @ Tukang; dan Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah Saikim.

naik taraf itu melibatkan sistem perparitan di Blok O, Q dan S.

"Permohonan naik taraf perparitan serta 'box culvert' untuk membendung botol plastik dan sampah dari laut ini telah dicadangkan oleh UPPM ini pada awal 2022.

"Kini ia sedang dilaksanakan melalui geran persekutuan Ahli Parlimen," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, kawasan perparitan serta jalan di sini sering dipenuhi sampah apabila hujan lebat dan air laut pasang.

Hadir sama meninjau kawasan itu ialah Pemaju